

# MTBM JADIKAN MALAYSIA HAB EDARAN

» *Kedudukan strategik di rantau ASEAN beri manfaat*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**M**AN Truck & Bus AG (MAN), pengeluar trak dan bas MAN yang berpangkalan di Jerman, menerusi anak syarikatnya di negara ini, MAN Truck & Bus (M) Sdn Bhd (MTBM), sedang merancang menjadikan Malaysia sebagai hab pengedarannya di rantau ini.

Pengarah Urusannya, Hartmut Mueller, berkata rancangan itu akan disokong oleh peningkatan keupayaan MTBM dalam pelbagai sudut ketika ini, termasuk kapasiti mencukupi untuk mengeluarkan lebih lima kali ganda jumlah pengeluaran yang dihasilkan MAN ketika ini.

"Pada dasarnya kilang pengeluaran kami di Rawang mampu mengeluarkan lebih banyak kenderaan berat kerana ia mempunyai kapasiti pengeluaran maksimum 1,500 unit setahun," katanya ketika ditemui BH pada Ekspo Bas, Trak dan Komponen Antarabangsa Malaysia (MIBTC) 2015 di Seri Kembangan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mueller berkata, antara faktor lain yang mencetus kemungkinan menjadikan Malaysia sebagai hab serantau MAN adalah kedudukan strategik negara ini yang berada di tengah-tengah ASEAN.

Katanya, kedudukan Malay-

sia ia memberi kelebihan kepada MAN berkembang dengan lebih pantas di rantau ini.

"Berdasarkan kedudukan geografi, Malaysia berada di tengah-tengah Asia Tenggara. Ini membolehkan kami untuk bergerak ke bahagian lain di rantau ini dalam tempoh singkat daripada pangkalan kami di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, syarikat itu akan membuat penilaian rapi berhubung perancangannya dalam pelbagai elemen termasuk kos memandangkan setiap negara mempunyai duti import dan peraturan berbeza.

Mengenai perancangan di peringkat domestik, Mueller berkata, MTBM bercadang mengembangkan rangkaian bengkel dan pusat penge-

darnya di Malaysia dalam usaha mengukuhkan kehadirannya di pasaran domestik.

Beliau berkata, syarikat itu menyasar untuk membuka pusat servis dan komponen utama baharu di Shah Alam, Selangor tahun depan membatik kos kira-kira RM20 juta.

Katanya, pengeluar kenderaan berat itu juga berharap dapat membuka sekurang-kurangnya satu cawangan baharu setiap tahun di negara ini dalam usaha mengukuh kedudukannya di pasaran berpotensi di Malaysia.

"Kami mahu mengembangkan rangkaian MAN di Malaysia daripada empat bengkel dan tiga pusat pengedaran ketika ini," katanya.

Selain itu, katanya, dalam usaha untuk memacu kecemerlangan dalam perkhidmatan

selepas jualan, syarikat itu akan memperkukuhkan lagi rangkaian pengedar di seluruh negara dengan memberikan tumpuan untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan dan mengedarkan alat ganti tulen MAN.

"Tahun lalu kami membuka dua bengkel baharu di Johor dan Pulau Pinang, manakala tahun ini kami membuka satu di Kelantan. Kami juga mempunyai pengedar di Sabah, Sarawak dan Kuantan," jelasnya.

Mueller berkata, syarikat itu memiliki pelbagai perancangan termasuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat tempatan atau menerusi pelaburan tunggalnya untuk mengembangkan jenama itu di negara ini selaras dengan pelan pembangunan strategik bagi operasi Malaysia.

“**Malaysia berada di tengah-tengah Asia Tenggara.**

*Ini membolehkan kami untuk bergerak ke bahagian lain di rantau ini dalam tempoh singkat”*

**Hartmut Mueller,**  
Pengarah urusan  
MTBM

